



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**17 JULAI 2020 (JUMAAT)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

**17 JULAI 2020 (JUMAAT)**

## RUU berkaitan COVID-19 lindungi urus niaga kredit

**Putrajaya:** Rang Undang-Undang (RUU) Pelaksanaan Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan COVID-19 yang akan dibentangkan pada persidangan Parlimen kali ini dijangka dapat membantu kedudukan kewangan pengguna yang terjejas COVID-19.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehsan Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata RUU itu membatalkan pindaan Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan antaranya membatalkan urus niaga kredit.

"Kita hendak melindungi pengguna supaya ketika wabak COVID-19 ini, jika mereka tidak

mampu membuat pembayaran, pemberi kredit tidak semudahnya ambil tindakan terhadap pembeli," katanya selepas menyampaikan amanat kepada warga kementerian itu, di sini, semalam.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan penggubalan RUU Pelaksanaan Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan COVID-19 pada 5 Jun lalu bagi mengurangkan impak perundangan akibat penularan virus itu.

Mengulas isu lain, Nanta berkata, Program Food Bank Siswa diteruskan apabila pelajar institusi pengajian tinggi kembali ke

kampus pada Oktober depan.

Pada majlis itu, Nanta menyerahkan sijil pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang berjaya mendaftarkan 2,705 perniagaan baharu sehari pada 20 Februari lalu.

"Ini rekod tertinggi dicatatkan SSM dalam tempoh sehari memandangkan secara purata rekod harian pendaftaran baharu perniagaan di seluruh Malaysia 1,100 pendaftaran sahaja," katanya, menambah rekod itu dicatat menerusi program #JOMDAFTARSSM2020. **BERNAMA**



**Nanta Linggi (tengah) pada majlis penyerahan sijil pengiktirafan MBOR kepada SSM di Putrajaya, semalam.** (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

## RUU Covid-19 lindung hak pembeli jualan kredit

**PUTRAJAYA** - Rang Undang-Undang (RUU) Pelaksanaan Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Koronavirus (Covid-19) berkaitan urus niaga jualan kredit akan dibentangkan di Parlimen pada sesi persidangan Dewan Rakyat kali ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, penggubalan RUU tersebut bagi melindungi pengguna dengan melarang pemberi kemudahan kredit untuk mengenakan caj bayaran lewat.

“Selain itu, ia juga akan menghalang pemberi kredit untuk memulakan undang-undang terhadap pembeli ketika negara berhadapan pandemik Covid-19,” katanya pada sidang akhbar selepas perhimpunan bulanan di kementeriannya di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid dan Ketua Setiausaha



**ALEXANDER NANTA LINGGI**

Kementerian, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Menurutnya, pindaan tersebut akan membantu pengguna mengurangkan beban bayaran ansuran bulanan.

“Ia juga akan memberi kelonggaran beban kewangan yang dialami pembeli jualan kredit sedia ada sewaktu pasca Covid-19,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, agensi di bawah kementeriannya iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperoleh pengiktirafan daripada Malaysia Book Of Records sebagai agensi pertama mencipta rekod pendaftaran perniagaan terbanyak di negara ini.

“Pada 20 Februari lalu, sebanyak 2,705 perniagaan baharu direkodkan dalam masa sehari berbanding purata 1,100 sahaja,” katanya.

Menurutnya, pencapaian tersebut merupakan kejayaan SSM selepas melaksanakan program #JOMDAFTAR-SSM2020.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# MAJLIS PELANCARAN PROGRAM JUALAN MEGA DAN



Dilancarkan Oleh :  
**YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin  
bin Haji Mohd. Yassin**  
Perdana Menteri

18 Julai 2020 | 11:30 Pagi  
Foyer, Dewan Filharmonik Petronas

